

08 JUN 2001

MAHATHIR-AFTA

SINGAPURA DIBIMBANGI JADI PINTU BELAKANG MASUK AFTA

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Singapura dibimbangi akan digunakan sebagai pintu belakang oleh negara-negara lain untuk menikmati keistimewaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) ekoran tindakan republik itu memeterai tiga perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa anggota-anggota Asean lain bimbang mereka tidak akan dapat bersaing dengan produk dari negara-negara lain yang mungkin memasuki Singapura tanpa cukai dan mengeksport dari sana ke negara-negara Asean lain.

Singapura telah memeterai perjanjian perdagangan bebas dengan Jepun, Amerika Syarikat dan New Zealand, katanya ketika sesi dialog di Persidangan Antarabangsa Nikkei keTujuh Mengenai Masa Depan Asia, di sini

Di bawah perjanjian itu, produk dari tiga negara berkenaan yang memasuki Singapura adalah bebas cukai.

Beliau berkata Singapura telah menjadi kawasan perdagangan bebas kerana republik itu tidak mengenakan cukai import bagi produk-produk yang memasukinya.

"Dengan perjanjian perdagangan bebas dengan Jepun, contohnya, produk Singapura boleh memasuki Jepun dengan bebas tetap tidak banyak yang menguntungkan Jepun dengan mengeksport ke Singapura kerana tiada pengurangan cukai oleh Singapura kerana republik itu tidak mengenakan cukai import," katanya.

(Apabila AFTA dikuatkuasakan secara berperingkat bermula 2003, dagangan antara negara-negara anggota Asean akan dijalankan tanpa tarif atau dengan tarif yang dikurangkan).

Asean terdiri dari 10 negara Asia Tenggara -- Indonesia, Thailand, Singapura, Filipina, Brunei, Kampuchea, Vietnam, Myanmar, Laos dan Malaysia.

"Kami percaya dengan perjanjian perdagangan bebas dengan semua negara Asean tetapi persaingan mestilah adil," katanya ketika menjawab soalan dari para peserta.

Beliau berkata: "Ia tidak dibuat untuk seseorang menggunakan negara-negara Asean dan AFTA untuk bersaing dengan produk yang hampir 100 peratus dikeluarkan di dalam negara."

Bercakap kepada wartawan Malaysia kemudiannya, Dr Mahathir berkata Asean mahu mengetahui terma-terma perjanjian perdagangan bebas yang dimeterai antara Singapura dan ketiga-tiga negara tersebut.

"Kita nak tahu apa Singapura sumbang pada kawasan bebas cukai (ekoran perjanjian dengan ketiga-tiga negara itu) kerana Singapura sudah memang tidak mengenakan cukai ke atas barangan yang memasuki negaranya," katanya.

Beliau berkata Asean juga ingin mengetahui sekiranya perjanjian yang dimeterai oleh Singapura dan ketiga-tiga negara itu ada kena kaitan dengan AFTA.

"Kita tidak mahu sesiapa sahaja boleh masuk Singapura atau negara Asean lain dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam AFTA," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan lain pada sesi dialog itu mengenai Myanmar, Dr Mahathir berkata Malaysia merasakan ia harus mengadakan hubungan dengan Myanmar bukan mengasingkannya.

"Jika kita mengasingkan mereka, kita tidak dapat bercakap dengan mempengaruhi mereka. Jika kita mengenakan sekatan atau mengasingkan mereka, ini bermakna kita menghukum rakyat kerana merekalah yang akan menanggung

deritanya," katanya.

Sememangnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah melantik seorang rakyat Malaysia untuk membantu dalam proses berbaik-baik dengan Myanmar, katanya. -- BERNAMA

JM SD JR